

idea baru daripada generasi muda selagi ia tidak melanggar kaedah berdakwah mahupun bertentangan dengan syariah.

Selain itu, Tuanku Abdul Halim juga pernah menyeru hubungan lebih erat dan kukuh antara pemerintah dengan ahli ulama.

Baginda berharap tradisi keakraban antara keduanya akan membawa kepada kerjasama erat dalam menyelesaikan segala masalah sosial dalam negeri dan negara.

Melahirkan rasa bimbang akan gejala sosial yang melanda negara terutamanya di kalangan generasi muda beragama Islam, baginda mahu semua unsur negatif dikekang bersama pemimpin dan ahli ulama.

Menggambarkan ulama dan pemerintah saling melengkapi antara satu sama lain, baginda berasa yakin kerjasama antara keduanya akan membawa hasil positif yang diharapkan terutama dalam menentang ideologi sekularisme, liberalisme, materialisme dan lain-lain fahaman yang menyekat iman dan akidah.

Tuanku Abdul Halim turut menyatakan harapan untuk sebuah sistem pengajian pondok yang diperkemaskan dan lebih mantap dalam terus melahirkan waris generasi ulama muda negara, sejajar dengan peredaran zaman.

Selaku Yang di-Pertuan Agong Ke-14 dan juga memegang takhta buat kali kedua, sifat dan kesungguhan baginda terhadap keutuhan Islam diyakini dapat membawa negara ke arah kecemerlangan tamadun duniawi tanpa mengabaikan rohaniah rakyat jelata.



TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah mencernar duli melawat Masjid Felda Lubuk Merbau di Kedah.